

10,000 kunjungi Mihas 2009

FAKTA
Lebih 500
pedagang dari
48 negara
sertai
pameran

Peniaga jual murah pada hari terakhir pameran

>>Oleh Syarifah Dayana
Syed Bari

ani@metro.com.my

KUALA LUMPUR: Hampir 10,000 pengunjung mengambil peluang mengunjungi hari terakhir Pameran Halal Antarabangsa Malaysia 2009 (Mihas 2009) ke-6 yang berlangsung sejak 6 Mei lalu.

Kebanyakan peniaga yang mengambil bahagian menjual produk dengan harga lebih murah serta dalam bungkusan pakej bagi memudahkan orang ramai

membuat pilihan.

Pengunjung, Roslan Abdul Rahman, 35, berkata pameran seumpama itu memberi peluang kepada orang ramai untuk mengetahui mengenai produk halal yang bukan saja keluaran tempatan, malah antarabangsa.

"Ini kali pertama saya berkunjung ke Mihas walaupun penganjurannya sudah masuk kali keenam. Selama ini saya hanya membaca melalui akhbar berkenaan pameran ini dan kali ini saya terpengil untuk datang sendiri memandangkan saya mempunyai perniagaan kecil-kecilan

dalam bidang makanan," katanya.

Menurutnya, dia tidak menyangka bahawa banyak produk makanan halal yang tidak diketahui wujud di Malaysia dan ia secara tidak langsung memberi peluang peniaga kecil sepertiya mencari peluang lebih besar.

"Saya menjalankan perniagaan sejak setahun lalu dan peluang yang saya dapat daripada kunjungan ke Mihas ini digunakan untuk mencari rakan niaga serta mengembangkan perniagaan sehingga ke luar negara," katanya.

Bagi Sazana Ismail, 29, wa-



FOTO | Arahan Resto

CUBA
...orang ramai mencuba pelbagai produk di Mihas 2009 yang berakhir, semalam.

laupun Mihas hanya dibuka selama dua hari kepada orang ramai, namun peluang itu digunakan sebaik-baiknya untuk mencuba pelbagai produk halal tempatan yang dijual.

"Pameran seperti ini perlu dilakukan dengan lebih kerap memandangkan industri halal terutama di Malaysia semakin berkembang dan tidak terbatas kepada orang Islam saja.

"Industri halal juga menjadi tarikan pelancong asing kerana perkataan halal tidak

terhad kepada jenis makanan yang dihidangkan sebaliknya turut merangkumi cara penyediaan, malah kebersihan premis," katanya.

Menurutnya yang menguruskan sebuah agensi pelancongan di Seremban, Negeri Sembilan, penganjuran Mihas pada tahun depan akan dimasukkan ke dalam kalendar pakej yang ditawarkan syarikatnya kerana yakin ia akan menarik minat pelancong asing.

"Jika selama ini pelancong dibawa ke tempat bersejarah,

saya akan membuat kelainan dengan membawa mereka ke Mihas sebagai langkah mempromosikan produk halal Malaysia," katanya.

Mihas 2009 anjuran Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) yang berlangsung selama lima hari itu berjaya menarik ramai pengunjung tempatan dan luar negara.

Lebih 500 pedagang antarabangsa dari 48 negara menyertai Mihas 2009 dan jumlah jualan dijangka mencecah RM3.38 bilion.